

# Padah cuba peras ugut pegawai polis

Tiga individu termasuk sarjan dan inspektor polis ditahan SPRM

Oleh MOHD HARIS FADLI  
MOHD FADZIL  
SHAH ALAM

**D**ua anggota polis dan seorang pengurus syarikat ditahan kerana disyaki cuba memeras ugut seorang pegawai polis sebanyak RM100,000 kononnya untuk menutup kes membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, SPRM menahan dua anggota polis berusia lingkungan 30-an berpangkat inspektor dan sarjan itu, antara jam 7 malam dan 12 tengah malam Jumaat di sekitar ibu negara.

“Pengurus syarikat berkenaan ditahan pagi Jumaat di sekitar Kuala Lumpur ketika menerima wang rasuah



suah sebanyak RM50,000 iaitu sebahagian daripada jumlah yang diminta daripada mangsa.

“Pengurus pentadbiran syarikat berkenaan berperanan sebagai orang tengah bagi meminta dan menerima wang rasuah itu,” kata satu sumber kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Sumber berkenaan memaklumkan, kedua-dua anggota polis berkenaan telah dibebaskan selepas

selesai dirakam keterangan.

Menurutnya, pengurus syarikat itu bagaimanapun direman empat hari sehingga Isnin ini bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tiga individu terbabit dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.